

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.05.2016

Y.B. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Projek Bandar Malaysia secara terperinci daripada segi nilai, pemegang ekuiti saham, bentuk projek, bila akan dilaksanakan dan bagaimana rakyat boleh berpeluang menyertainya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Bandar Malaysia Sdn Bhd ("BMSB") merupakan *Special Purpose Vehicle* ("SPV") untuk

projek Bandar Malaysia yang merupakan anak syarikat milik penuh 1Malaysia Development Berhad ("1MDB") melalui TRX City Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai 1MDB Real Estate Sdn Bhd).

Pada 31 Disember 2015, satu Perjanjian Jual Beli Saham ("SSA") di antara TRX City Sdn Bhd dan Iskandar Waterfront Holdings Berhad ("IWH") bersama China Railway Engineering Corporation Sdn Bhd ("CREC") telah ditandatangani bagi pelupusan 60% kepentingan ekuiti di dalam BMSB. Terdapat syarat atau terma yang perlu dilaksanakan oleh kedua-dua belah pihak (atau dikenali sebagai *Condition Precedents*) dalam masa yang telah ditetapkan sebelum SSA tersebut dapat disempurnakan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, Konsortium IWH-CREC telah membuat penilaian keseluruhan tanah Bandar Malaysia pada nilai RM12.35 billion.

Tuan Yang Dipertua,

Seperti yang diumumkan oleh Kementerian Kewangan baru-baru ini, berdasarkan syor Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara ("PAC"), baki 40% kepentingan ekuiti di dalam BMSB akan dipindah milik ke

syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan ("MKD").

Tuan Yang Dipertua,

Hasil daripada transaksi-transaksi di atas, pemegang saham BMSB kelak adalah Konsortium IWH-CREC dan Kerajaan Malaysia di mana 40% oleh Kerajaan Malaysia, 14% oleh Kerajaan Negeri Johor, 22% oleh Syarikat Credence Resource, dan 24% oleh Syarikat CREC.

Secara rumusannya, 76% ekuiti BMSB akan dipegang oleh syarikat tempatan manakala hanya 24% dipegang oleh syarikat asing.

Tuan Yang Dipertua,

Bandar Malaysia berkeluasan 480 ekar adalah pembangunan bercampur yang telah menerima kelulusan Kebenaran Merancang bersyarat daripada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ("DBKL") di mana ia diberi berdasarkan pelan induk pembangunan bercampur.

Aspirasi pembangunan Bandar Malaysia adalah untuk memangkin transformasi *Greater Kuala Lumpur* dalam aspek ekonomi

dan gaya hidup, ke arah menjadikan Kuala Lumpur sebagai *top liveable cities in the world* (dengan izin), sekali gus untuk manfaat bersama warga kota Kuala Lumpur khasnya dan rakyat Malaysia amnya.

Pembangunan Bandar Malaysia dijangka akan dimulakan pada tahun 2017 setelah projek penempatan semula Pangkalan Udara Kuala Lumpur (PUKL) ke lapan lokasi berbeza siap sepenuhnya.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B) [LUMUT]**

TARIKH : **19 MEI 2016, KHAMIS**

SOALAN : ~~142~~ 141

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**
menyatakan :-

Menyatakan status Projek Menanam Getah bagi menaik taraf ekonomi
Orang Asli yang telah bermula pada 1973 dan apakah hasilnya sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga tahun 2015, Kementerian melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah melaksanakan 46 projek tanaman getah yang merangkumi keluasan sebanyak 6,164.46 hektar yang melibatkan seramai 3,473 peserta. Projek ini dilaksanakan melalui konsep tanaman komersial dan ladang masyarakat.

Projek tanaman komersial (TSK) dilaksanakan dengan kerjasama agensi RISDA dan FELCRA. Sebanyak 31 projek tanaman getah telah dilaksanakan dengan keluasan sebanyak 3,891.56 hektar. Projek tanaman getah ini memberi faedah kepada seramai 1,602 orang peserta Orang Asli dengan dividen dibayar sebanyak RM400 hingga RM500 sebulan. Pembayaran dividen adalah bergantung kepada prestasi ladang dan harga komoditi getah. Selain itu, peserta juga digalakkan atau diberikan peluang untuk bekerja sebagai penoreh getah dan buruh ladang untuk menambah pendapatan.

Pada tahun 2011, projek ladang masyarakat tanaman getah telah mula diperkenalkan kepada masyarakat Orang Asli di mana ladang ini diusahakan sendiri oleh Orang Asli dengan bantuan benih, baja, racun dan peralatan pertanian dari JAKOA. Sehingga tahun 2015, JAKOA telah berjaya membangunkan sebanyak 36 buah ladang masyarakat dengan

keluasan sebanyak 2,272.90 hektar. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4 buah ladang masyarakat dengan keluasan sebanyak 337.53 hektar dijangka boleh mengeluarkan hasil pada tahun 2017 yang akan memberi manfaat kepada seramai 225 orang peserta.

Tuan Yang Di Pertua,

Selain itu, Orang Asli juga menerima bantuan di bawah projek Tanam Semula Berkelompok (TSB) di bawah Agensi RISDA untuk menanam semula pokok getah yang tidak ekonomik. Sehingga kini, sebanyak 80 projek TSB telah dilaksanakan dengan keluasan sebanyak 7,857.82 hektar. Projek-projek TSB ini diuruskan oleh peserta sendiri dan menerima pendapatan tetap sehingga RM800 sebulan. Bagi tahun 2016, sebanyak 2,426.85 hektar telah dikenalpasti untuk projek penanaman semula menerusi RISDA yang melibatkan seramai 1,000 peserta Orang Asli. Pelaksanaan program ini dijangka akan meningkatkan pendapatan Orang Asli apabila ianya berhasil kelak.